



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**4 November 2020
18 Rabiulawal 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Bukan sekadar ikan longkang
Kosmo !	• Kerajaan perlu kawal isu harga peralatan tangkap ikan
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI	37	4/11/2020		
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL				

HARIAN METRO
RABU 4 NOVEMBER 2020

MINGGI 13

Oleh **Muhamad Razis Ismail**
razis@hmetro.com.my

Dahulu, ikan gapi lebih dikenali sebagai ikan longkang atau parit dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Persepsi terhadap ikan ini yang kononnya boleh diperolehi dengan harga murah makin lagi 'menebat' sehingga kini.

Bagaimanapun, tahulah anda, ikan gapi ini bukan sahaja dijadikan hobi malah boleh menjana pendapatan lumayan?

Apa tidaknya, terdapat ikan jenis ini yang memiliki grad tinggi atau sukar ditemui boleh mencecah sehingga RM2,500 sepasang.

Jadi, tidak hairanlah di luar negara seperti Indonesia, Thailand dan Vietnam, penternakan ikan gapi sudah menjadi industri utama.

Menyedari perkara itu, seorang kontraktor yang pada mulanya memelihara ikan gapi sekadar untuk mengisi masa lapang sejak setahun lalu, mula menjadikannya sebagai sumber pendapatan sampingan.

Bermula dengan hanya memiliki beberapa ikan gapi, kini Sudirman Sahuk, 35, sudah memelihara 1,000 ikan gapi membabitkan 60 'strain' (jenis) di kediamannya di Gombak, Selangor.

Antara jenis ikan gapi yang dimiliki termasuk Albino, koi short body ribbon ballon, chocolate moscow, silverado short body ribbon dan fullgold short body.

Semua spesies ikan ini, diimport dari luar negara dengan harga yang cukup tinggi sama ada dipelihara sendiri, dibiak dan dijual kepada peminat ikan gapi di seluruh negara.

Sudirman mengakui memelihara ikan gapi terapi kepadanya kerana memiliki nilai sentimental yang tersendiri.

"Melihat bentuk badan



BUKAN SEKADAR IKAN LONGKANG

Gapi berpotensi besar jana pendapatan lumayan kerana ada yang harganya mencecah ribuan ringgit

ALBINO koi short body ribbon ballon antara ikan gapi yang sukar ditemui di negara ini.

dan warna menjadi terapi kepada peminatnya. Malah melihat ikan yang sedang berenang, bagaikan membuat persembahan tarian cukup memberi ketenangan kepada sesiapa.

"Hinggakan ada yang sanggup berbelanja besar bagi memiliki ikan ini sama ada untuk dipelihara di rumah," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Jelasnya, melihat potensi besar, dia bersama dua rakan memelihara ikan gapi secara serius sebelum dijual untuk pasaran tempatan.

"Pada mulanya, saya agak bimbang berdepan risiko kerugian dengan membawa masuk ikan dengan harga mencecah ribuan ringgit dari luar negara kerana tiada permintaan.

"Namun sebatiknya berlaku apabila ikan jenis ini mempunyai

peminatnya yang tersendiri. Alhamdulillah biarpun perniagaan ini dijalankan secara separuh masa, saya bersyukur, ia dapat menjana pendapatan sampingan," katanya.

Menurutnya, penjagaan ikan gapi cukup mudah kerana haiwan tidak cerewet.

"Apa yang penting adalah pastikan kualiti air sentiasa berada dalam keadaan baik. Saya nasihatkan gunakan alat TBS yang boleh menyukat suhu air supaya ia dapat disesuaikan dengan cuaca panas dan sejuk.

"Untuk makanan, lebih baik gunakan artemia kerana ikan gapi suka makanan yang 'hidup' sekali gus dapat mengelakkan air cepat kotor," katanya.

Ditanya mengenai kesedaran masyarakat terhadap ikan gapi, dia

berpendapat masih ada segelintir yang memandang rendah terhadap ikan jenis ini.


"Perkara paling mencabar adalah untuk membuka minda masyarakat bahawa ikan gapi bukan ikan longkang. Jadi, tidak hairanlah mereka tidak boleh terima apabila ikan ini dijual pada harga tinggi.

"Oleh itu, perkara pertama perlu dibuat adalah berikan kesedaran terhadap ikan gapi.

"Inilah yang saya cuba buat sekarang untuk buktikan bahawa ikan gapi boleh menjadi sumber pendapatan sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan baharu di negara ini," katanya.



IKAN gapi memiliki potensi besar untuk dikembangkan di negara ini.



Ikan gapi, Fullgold short body.



WAD 'bersalin' untuk ikan gapi.



BERSAMA dua rakan yang mempunyai minat sama.

Alhamdulillah biarpun perniagaan ini dijalankan secara separuh masa, saya bersyukur, ia dapat menjana pendapatan sampingan

SUDIRMAN

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		6	4.11.2020

Kerajaan perlu kawal isu harga peralatan tangkap ikan

KOSMO M/S 6
4.11.2020

BACHOK – Isu harga peralatan dan kelengkapan nelayan seperti pukot, bubu dan ladung timah antara perkara yang perlu diberi penekanan oleh kerajaan bagi membantu nelayan di negara ini yang terjejas sejak pandemik Covid-19 melanda negara.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bachok, Mohd. Saripudin Ishak berkata, seliaan harga itu amat diperlukan selepas mereka terpaksa membeli peralatan menangkap ikan pada harga yang tinggi sepanjang penularan wabak.

“Sebelum ini, kami banyak membeli kelengkapan daripada pembekal di negara jiran kerana harga murah berbanding tempatan.

“Sekarang, pergerakan keluar masuk sempadan sudah dikawal ketat.

“Jadi, kerajaan perlu membantu menyalurkan bantuan peralatan bagi meringankan bebanan nelayan yang kini berdepan dengan musim tengkujuh sekali gua menghalang mereka mencari rezeki di laut,” katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Menurutnya, Elaun Sara



ISU harga kelengkapan menangkap ikan yang tinggi antara bebanan yang ditanggung nelayan sepanjang Covid-19. – GAMBAR HIASAN

Hidup Nelayan (ESHN) harus dikekalkan dan kajian pertambahan jumlahnya perlu dibuat agar sesuai dengan harga barangan selain kos sara hidup yang semakin meningkat.

Mengulas lanjut, menurut Mohd. Saripudin, dia juga berharap keperluan aset dan pembekalan kepada Maritim Malaysia (APMM) diberi fokus utama dalam Belanjawan 2021 supaya penguatkuasaan terhadap pencerobohan nelayan asing dapat dilaksanakan secara berkesan.

“Peruntukan yang disalurkan kerajaan nanti adalah sebahagian pembelaan kepada nelayan-nelayan kecil dan tradisional di negeri ini yang memerlukan zon memukat yang selamat dan banyak hasil tangkapan,” ujarnya.

Sementara itu, seorang nelayan sungai, Razali Sulaiman, 58, berkata, keperluan nelayan seperti sampan fiber amat diperlukan dan berharap kerajaan dapat menyalurkan bantuan pukot selain membina lebih banyak jeti untuk nelayan kecil.